

# Adakah mudah bergelar seorang mahasiswa?

UB 12.11.2014



## BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaitonmohamad@yahoo.com

SETIAP orang yang mula melangkah ke alam persekolahan semenjak tadika sehingga ke sekolah menengah tinggi akan mengimpikan untuk melanjutkan pelajar ke universiti. Semua orang mengharapkan perjalanan dalam mengejar ilmu di peringkat persekolahan tidak menghadapi rintangan untuk melanjutkan pelajar ke menara gading. Bukan satu perkara yang mudah untuk mendapat tawaran melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sama ada ke institusi pengajian tinggi awam ataupun swasta. Sudah tentu pelbagai rintangan yang datang dan anda perlu bersedia menghadapinya dengan seribu kepayahan dan keperitan.

Oleh sebab itu kehidupan seorang mahasiswa bukan satu perkara yang mudah dan seronok seperti yang dipertontonkan di kaca televisyen

malahupun media elektronik yang lain. Bagi seseorang yang bergelar mahasiswa dan mengerti akan tugas yang dipikulnya akan merasakan bebanan yang terpaksa dihadapi sehingga berjaya menyelesaikan tugasannya di akhir pengajian. Lazimnya seseorang pelajar yang bergelar mahasiswa akan menumpukan pengajian dan aktif beraktiviti di dalam kampus mahupun aktiviti kemasyarakatan.

Seorang mahasiswa yang normal dan memiliki intelektual yang semakin berkembang akan mempunyai kognitif yang cerdas dan mampu menggarap maklumat yang diterima melalui persekitaran mereka dengan rasional. Namun begitu kadang-kadang dalam menguji kecerdasan kognitif mereka tidak dapat membendung keinginan untuk menonjolkan kelainan daripada rakan-rakan yang lain tanpa memikirkan matlamat asal dan yang menjadi keutamaan mereka. Golongan sebegini walaupun mempunyai kognitif yang cerdas akan mudah hilang

fokus dan mudah ‘keteguran’ dengan maklumat yang diterima sama ada melalui media cetak, media elektronik mahupun hasutan-hasutan yang berkepentingan.

Istilah keteguran dalam budaya tempatan amat sinonim dengan unsur-unsur yang subversif dan mengganggu kenormalan dalam kehidupan sehari-hari dan memerlukan seseorang yang pakar dalam menghilangkan unsur-unsur subversif tersebut. Oleh sebab itu, golongan mahasiswa yang mempunyai kecenderungan untuk menonjolkan diri dengan kaedah keteguran tersebut seharusnya diubati dengan kaedah yang sesuai supaya fokus utamanya untuk menyelesaikan misi pengajian, menimba ilmu dan meningkatkan keintelektualan tercapai.

Umumnya mengetahui melentur buluh biarlah dari rebungnya, namun adakah ia sesuai untuk melentur mahasiswa yang sudah menjadi buluh. Dalam konteks ini adalah lebih sesuai digunakan analogi sephoon pokok bunga yang ditanam untuk hiasan yang

cantik. Kecantikannya akan terserlah selepas membesar dan dibentuk selepas pembesarannya mengikut gaya yang dikehendaki oleh pemiliknya. Begitu juga dalam konteks pembudayaan keintelektualan sesebuah institusi pengajian tinggi seharusnya pelajar bijak untuk mengikut bentuk yang diunjurkan oleh tempat pengajian mereka. Seharusnya mereka menjaga kehormatan tempat yang mengalirkan erti sebuah kehidupan, menyediakan ilmu untuk kemantapan minda dan mengasah bakat sebagai pemimpin negara.

Bukan mudah untuk menjadi seorang mahasiswa yang normal dan memiliki krasionalan yang tinggi. Kenormalan dan krasionalan yang tinggi bermula daripada didikan hati semenjak kecil. Berapa ramai dalam kalangan remaja merasa terganggu jiwa mereka apabila melihat orang lain berbuat jahat, mengata dan mencercera orang lain dan sebagainya. Sememangnya mereka juga bukan maksum yang terlepas daripada berbuat kejahatan namun dengan

memiliki hati yang bersih mereka akan bersedia mengikut apa sahaja saranan di dalam agama apatah lagi agama Islam.

Oleh sebab itu kerakusan untuk menonjolkan diri dengan ‘keteguran’ daripada perkara yang subversif tanpa memikirkan norma budaya tempatan, menunjukkan sejauhmana kegagalan ‘kefungsian hati untuk mencerna maklumat yang diterima. Alangkah malunya sesebuah institusi pengajian tinggi sekiranya melahirkan ramai golongan sedemikian.

Dalam hal ini sekiranya seseorang itu ingin menyalurkan ketidakpuasan hati mahupun inginkan perkembangan minda secara intelektual ataupun ingin melontarkan pendapat masih terdapat platform yang disediakan. Apatah lagi memiliki status sebagai seorang mahasiswa sudah tentu pentadbiran negara akan sudi memberikan perhatian yang sepenuhnya.

\* Penulis adalah Pegawai Psikologi, Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, HEP, UMS